

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan untuk menjelaskan prinsip-prinsip asas yang diperjuangkan oleh Kementerian dalam merangka perundangan menentang diskriminasi gender dan bagaimanakah kerangka perundangan baru ini boleh menjadi lebih berkesan berbanding dengan proses mahkamah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tetap komited melaksanakan inisiatif bagi menghapuskan diskriminasi berasaskan gender selaras dengan peruntukan berkaitan hak kesamarataan di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) serta obligasi negara terhadap Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (*Beijing Declaration and Platform for Action*) dan Matlamat 5: Kesaksamaan Gender di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDGs*).

SOALAN NO : 18

Salah satu usaha KPWKM adalah melalui penggabalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual (RUU GS) yang akan menjadi salah satu instrumen bagi menghapus diskriminasi berasaskan gender, melindungi wanita dengan menyediakan persekitaran yang bebas gangguan seksual dan membolehkan mereka untuk terus menyumbangkan potensi dalam proses membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Perkara utama yang diberi perhatian bagi memastikan draf RUU GS yang digubal adalah komprehensif ialah dengan memastikan ia berupaya menangani kelompangan dalam sistem perundangan atau peraturan sedia ada. Selain itu, draf RUU GS turut menggariskan definisi gangguan seksual yang lebih menyeluruh dan pemakaiannya tidak hanya terhad kepada sektor pekerjaan tetapi merangkumi tempat-tempat awam.

RUU GS ini juga memperuntukkan pelantikan seorang Ketua Pengarah yang berperanan untuk memberikan nasihat yang bersesuaian kepada pihak-pihak yang terlibat untuk memastikan mereka menyedari prosedur dan pilihan yang ada dalam pengendalian kes-kes gangguan seksual. Penambahbaikan turut dilaksanakan dengan memperkenalkan mekanisme baharu bagi membolehkan kes-kes gangguan seksual dibuktikan melalui standard pembuktian sivil iaitu secara imbalan kebarangkalian (*balance of probabilities*) yang ditangani dengan penubuhan tribunal untuk penyelesaian aduan/tuntutan kes gangguan seksual yang lebih cepat dan efektif.

Secara keseluruhannya, penggabalan RUU GS ini telah mengambil kira hasrat untuk memberikan kesedaran dan pendedahan kepada umum mengenai kesalahan gangguan seksual supaya dapat mencegah gangguan seksual daripada berlaku, di samping memberikan perlindungan kepada mangsa melalui langkah *redress* yang sewajarnya.